



GARIS PANDUAN IBADAH BAGI PETUGAS DAN PESAKIT

COVID-19

Edisi 2020



GARIS PANDUAN IBADAH BAGI PETUGAS DAN PESAKIT COVID-19

Disediakan dengan kerjasama :

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Edisi 2020

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
1. Perutusan YB Menteri di JPM	3
2. Kata Alu-Aluan SS Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan	5
3. Pengenalan	7
4. Penghargaan	8
5. Panduan Ibadah Petugas dan Pesakit Covid-19	10
5.1. Definisi Pesakit dan Petugas	11
5.2. Medium Jangkitan	13
5.3. Hukum Hakam Berkaitan Ibadah Bagi Petugas dan Pesakit	14
5.3.1. Hukum Hakam Bagi Pesakit	
i. Bersuci Dari Najis	
ii. Bersuci Dari Hadas	
iii. Solat	
5.3.2. Hukum Hakam Bagi Petugas	18
i. Bersuci Dari Najis	
ii. Bersuci Dari Hadas	
iii. Solat	
5.3.3. Beberapa Permasalahan Yang Berkaitan	22
6. Rujukan	24

PERUTUSAN YB MENTERI (AGAMA) DI JABATAN PERDANA MENTERI

Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Allah SWT atas segala kurniaan dan nikmat yang tidak terhingga buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah baginda SAW hingga ke hari Kiamat.

Sebagai orang yang beriman, kita meyakini bahawa tujuan utama manusia diciptakan adalah untuk beribadah kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surah az-Zariyat ayat 56 : *(Dan ingatlah bahawa Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku)*. Tatacara pelaksanaan ibadah telah pun ditunjukkan oleh baginda Nabi SAW menerusi sunnah-sunnahnya. Walaubagaimanapun, tatacara ibadah yang biasa dilakukan itu berkemungkinan tidak akan dapat dilaksanakan dalam keadaan dan situasi tertentu kerana terdapatnya halangan dan rintangan. Bagi menjamin umat Islam di Malaysia khususnya para petugas dan para pesakit yang terlibat dengan Covid-19 terus dapat melaksanakan kewajipan kepada Allah SWT dengan tatacara yang bertepatan dengan syarak maka satu garis panduan berkenaan pelaksanaan ibadah khususnya dalam waktu Negara sedang berhadapan dengan penularan wabak ini diwujudkan.

Justeru, saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Garis Panduan Ibadah Bagi Petugas dan Pesakit Covid-19 ini dapat diterbitkan tepat pada masanya. Semoga garis panduan ini dapat menjadi rujukan dan panduan yang berguna dalam melaksanakan ibadah terutamanya kepada para petugas dan pesakit Covid-19 sebagaimana ketetapan syarak dan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan.

Saya amat berterima kasih kepada S.S. Tuan Haji Jamali bin Adnan, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan yang telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan garis panduan ini bersama-sama rakan-rakan strategik dari pelbagai agensi. Terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan strategik yang lain atas kerjasama yang

diberikan khususnya kepada YBhg. Dato' Paimuzi bin Yahya, Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, YBrs Tuan Haji Mohd. Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) serta ucapan penghargaan yang sama saya tujukan kepada semua individu yang terlibat dalam menghasilkan garis panduan ini. Semoga segala jasa baik dan usaha anda semua diganjar dengan pahala oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Sekian, terima kasih.

YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI
MENTERI (AGAMA) DI JABATAN PERDANA MENTERI

KATA ALU-ALUAN

S.S. TIMBALAN MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Alhamdulillah, segala pujian dipanjatkan kepada Allah SWT yang mentadbir alam ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sekalian para sahabatnya.

Penerbitan Garis Panduan Ibadah Petugas dan Pesakit Covid-19 ini adalah bertitik tolak daripada saranan dan cetusan idea YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Menteri (Agama) di Jabatan Perdana Menteri supaya agensi agama meneruskan usaha membantu dan memberikan khidmat bakti kepada umat Islam khususnya para petugas dan para pesakit yang terlibat dengan wabak Covid-19 ini dalam menunaikan ibadah seharian mereka agar ianya bertepatan dengan kehendak syarak.

Tujuan utama garis panduan ini ialah sebagai dokumen rujukan rasmi dan panduan kepada para petugas serta para pesakit Covid-19 mengenai tatacara pelaksanaan ibadah khususnya dalam situasi wabak Covid-19 yang sedang melanda negara pada masa ini. Diharapkan dengan adanya garis panduan ini maka para petugas dan para pesakit akan dapat melaksanakan ibadah seharian mereka dengan yakin dan selaras dengan ketetapan syarak.

Garis panduan ini tidaklah menafikan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak lain khususnya pihak berkuasa agama negeri-negeri selagimana ianya bertepatan dengan kehendak syarak.

Akhir sekali, saya mengucapkan sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP), daripada rakan-rakan strategik kami seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang telah berusaha menghasilkan garis

panduan ini kerana tanpa usaha anda semua, maka garis panduan ini tidak akan terhasil. Saya juga berdoa kepada Allah SWT semoga anda semua dikurniakan ganjaran pahala atas penat lelah dan usaha yang dicurahkan ini.

Sekian, terima kasih.

TUAN HAJI JAMALI BIN MOHD ADNAN
TIMBALAN MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

PENGENALAN

Garis Panduan Ibadah Petugas dan Pesakit Covid-19 ini adalah merupakan panduan ringkas dalam masalah bersuci dan solat khususnya bagi para petugas dan para pesakit yang terlibat dengan wabak Covid-19 ini. Secara asasnya, hukum hakam dan panduan ibadah di dalam garis panduan ini disusun menurut pandangan mazhab Syafie yang digunakan secara rasmi di Malaysia. Walaubagaimanapun para petugas dan para pesakit dibolehkan memilih untuk melaksanakan ibadah menurut pandangan mazhab Syafie sepenuhnya atau menurut pandangan mazhab yang lain dalam bahagian-bahagian atau permasalahan-permasalahan tertentu sekalipun ini akan mengakibatkan berlakunya percampuran antara mazhab yang dikenali dengan istilah '*talfiq*'. Ini kerana terdapatnya pandangan dalam kalangan ulama yang mengharuskan amalan *talfiq* terutamanya ketika wujud keperluan.

PENGHARGAAN

Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pegawai dan wakil-wakil kementerian dan jabatan yang terlibat merangka dan menyiapkan garis panduan ini. Pegawai dan wakil kementerian dan jabatan yang dimaksudkan ialah sepertimana berikut :

A. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP)

SS. Tuan Haji Jamali bin Mohd Adnan
Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan

Dr. Ahmad Zaky bin Md. Ali
Ketua Penolong Mufti (Labuan)

Najmuddin bin Abdul Karim
Ketua Penolong Mufti (Bahagian Fatwa)

Tajul Urus bin Abdul Halim
Penolong Mufti

Eizzul A'la bin Bajuri
Penolong Mufti

Mohd Ghazali bin Mohamed Nor
Penolong Mufti

Umar Mukhtar bin Mohd Noor
Pegawai Hal Ehwal Islam

Muhammad Afiq bin Zainol Abidin
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam

Muhammad Farhan bin Mohd
Pegawai Penyelidik

Muhammad Multazam bin Mohd Yazid
Pegawai Penyelidik

B. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Dr. Suraya binti Amir Husin
Unit Kawalan Infeksi

Dr. Noor Amelia binti Abd Rasid
Unit Kawalan Infeksi

C. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
Pengarah Bahagian Penyelidikan

Dr. Abdul Ghaffar bin Surip
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Ridzuan bin Awang
Ketua Penolong Pengarah

D. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Siti Razmah binti Idris
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Sharidah binti Zainal Abidin
Ketua Penolong Pengarah

Mohammad Fauzi bin Abu Seman
Bahagian Dakwah

PANDUAN IBADAH PETUGAS DAN PESAKIT COVID-19

DEFINISI PESAKIT DAN PETUGAS

PUI (PATIENT UNDER INVESTIGATION)

PESAKIT YANG DISYAKI COVID-19

- 1.** Golongan yang mempunyai jangkitan pernafasan akut yang sekurang-kurangnya mempunyai salah satu tanda berikut samada disertai dengan demam atau tidak:
a) Sesak Nafas b) Batuk c) Sakit Tekak
- 2.** Golongan yang tinggal atau melawat negara asing dalam jangka waktu 14 hari sebelum bermulanya gejala.
- 3.** Golongan yang mempunyai kontak rapat dengan individu yang positif Covid-19 dalam masa 14 hari sebelum bermulanya gejala.
Kontak rapat didefinisikan sebagai golongan yang :
 - a) bekerja dengan anggota perubatan yang dijangkiti Covid-19 (tanpa menggunakan PPE).
 - b) melawat pesakit atau tinggal atau bekerja di dalam persekitaran tertutup bersama individu positif Covid-19 dan termasuklah berada di dalam kenderaan bersama individu positif Covid-19.
- 4.** Golongan yang menghadiri acara yang terdapatnya kes positif Covid-19.

KETERANGAN TAMBAHAN

1.

Tatacara pengendalian PUI @ Pesakit yang disyaki Covid-19 adalah sama seperti pesakit yang disahkan positif Covid-19.

2.

PUI @ Pesakit yang disyaki Covid-19 ditempatkan di dalam bilik perseorangan selama 14 hari.

3.

Anggota kesihatan yang menguruskan PUI @ Pesakit yang disyaki Covid-19 perlu memakai PPE (Personal Protective Equipments) yang lengkap.

**PESAKIT YANG DISAHKAN POSITIF COVID-19
DIBAHAGIKAN KEPADA DUA KATEGORI**

PESAKIT YANG TIDAK KRITIKAL

**Terbahagi kepada tiga
tahap :**

Tahap 1:
Tidak bergejala

Tahap 2:
**Bergejala tanpa radang
paru-paru**

Tahap 3:
**Bergejala dengan radang
paru-paru**

KETERANGAN TAMBAHAN

Tahap kesihatan pesakit pada tahap-tahap ini boleh berubah sekiranya pesakit mempunyai penyakit-penyakit yang lain

Pesakit pada tahap ini boleh ditempatkan secara berasingan atau di tempatkan bersama pesakit-pesakit Covid-19 yang lain

Anggota kesihatan yang menguruskan pesakit pada tahap ini perlu memakai PPE yang lengkap

PESAKIT YANG KRITIKAL

**Terbahagi kepada dua
tahap :**

Tahap 4:
**Bergejala dan terdapat radang
paru-paru dan memerlukan
bantuan oksigen**

Tahap 5:
**Pesakit yang kritikal dengan
penglibatan multi-organ (seperti
buah pinggang dan jantung)**

KETERANGAN TAMBAHAN

Kebiasaannya pesakit di tempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU)

Terdapat pesakit yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) dan juga yang memerlukan bantuan oksigen tanpa ventilator

Kebiasaannya pesakit yang di tempatkan di ICU tidak dapat bergerak seperti turun dari katil dan sebagainya

Ada pesakit yang sedar dan ada yang tidak sedar

Anggota kesihatan yang menguruskan pesakit pada tahap ini perlu memakai PPE yang lengkap

KATEGORI PETUGAS

PETUGAS LANGSUNG

1.

Menjalankan saringan dan pengambilan sampel ujian Covid-19

2.

Memeriksa dan mengendalikan pesakit Covid-19

3.

Mengendalikan jenazah Covid-19

KETERANGAN TAMBAHAN

Petugas mesti memakai PPE

Terdapat petugas perubatan yang memakai PPE ini sehingga 6 jam bergantung juga kepada keadaan.

PETUGAS TIDAK LANGSUNG

1.

Melakukan saringan umum dan jaraknya melebihi satu meter dan tiada kontak fizikal dengan pesakit

2.

Juruterbang dan pemandu ambulan

3.

Anggota pentadbiran yang tidak mengendalikan pesakit

KETERANGAN TAMBAHAN

Petugas hanya perlu memakai sekurang-kurangnya *surgical mask* sahaja (tetapi bergantung kepada situasi semasa)

Pemandu ambulan perlu memakai *surgical mask* sewaktu membawa pesakit dan sentiasa mengamalkan *hand hygiene*

Tiada bukti jangkitan Covid-19 boleh merebak melalui air

Jangkitan boleh terjadi melalui sentuhan kepada mata, mulut, hidung

Sentuhan kepala paip yang terkena air kumur, air yang keluar melalui hidung, ludah dan seumpamanya atau apa-apa basuhan yang melibatkan organ *muccous membrane* iaitu mulut, hidung dan mata

Air

Debu tanah yang tercemar dengan virus Covid-19

Debu yang melekat pada PPE boleh disebarkan melalui sentuhan kepada mata, mulut dan hidung

Debu Tanah

MEDIUM JANGKITAN

Droplet Pada Udara

Rembesan daripada pernafasan individu yang positif Covid-19 boleh tersebar melalui batuk dan bersin.

Bagi mengelakkan jangkitan:


Pengamalan social distancing (berjarak 1-2 meter)

Memakai *face mask* bagi pesakit yang bergejala

Lain-Lain

Covid-19 boleh disebarkan melalui sentuhan permukaan yang tercemar dengan virus melalui tangan kepada mata, mulut dan hidung

HUKUM HAKAM BERKAITAN IBADAH BAGI PETUGAS DAN PESAKIT



Pesakit Yang Tiada Keuzuran

Dua Kaedah Bersuci :

1.	Istinjak	Menggunakan air untuk membasuh kemaluan selepas membuang air
2.	Istijmar	Menggunakan batu atau bahan kesat sekiranya tidak mampu menggunakan air

Kewujudan Najis Pada Badan, Pakaian dan Tempat Solat

Hukum	Wajib dihilangkan atau disucikan najis tersebut
Kaedah	Basuh menggunakan air hingga hilang warna, bau dan rasa atau sekadar yang termampu

Pesakit Yang Mempunyai Keuzuran

Contoh keuzuran	Memerlukan bantuan pernafasan sepanjang masa Memakai lampin (tidak boleh dibuka) Memakai alat tiub di saluran kencing (tidak boleh dibuka)
Hukum solat	Tetap wajib dilaksanakan dalam keadaan solat menghormati waktu sekalipun tanpa bersuci

Solat Menghormati Waktu : Adakah Ianya Perlu Diqada' Apabila Keuzuran Hilang

Pandangan Ulama	Hukum Qada' Solat Menghormati Waktu :
Imam Muzani dan Imam Nawawi	Solat tersebut tidak perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang
Muktamad Mazhab Syafie	Solat tersebut sah tetapi perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang

Bersuci Daripada Hadas

Pesakit Yang Tiada Keuzuran

Hendaklah bersuci dengan air untuk berwuduk dan mandi wajib

Pesakit Yang Mempunyai Keuzuran

Uzur menggunakan air

Hendaklah bertayammum dengan debu tanah

Uzur menggunakan debu tanah

Contoh keuzuran :

- Memerlukan bantuan pernafasan sepanjang masa
- Anggota wuduk berbalut dengan sesuatu yang menghalang air
- Penggunaan debu akan menyebabkan penyakit merebak

Tidak diwajibkan bersuci untuk menunaikan solat pada ketika ini ; solat menghormati waktu

Adakah Solat Perlu Diqada' Apabila Keuzuran Hilang?

Imam Muzani dan Imam Nawawi : Solat tersebut tidak perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang

Muktamad Mazhab Syafie : Solat tersebut sah tetapi perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang

Permasalahan Anggota Wuduk Yang Berbalut

Hendaklah menyapu air di atas balutan tersebut sebagai ganti basuhan

Permasalahan :

sekiranya balutan dipasang :

- Dalam keadaan berhadas
- Pada anggota tayammum yang berbalut

Debu tanah tidak boleh digunakan untuk bertayammum kerana anggota tayammum berbalut ; tetap perlu solat tanpa bersuci

Adakah Solat Perlu Diqada' Apabila Keuzuran Hilang?

Imam Muzani dan Imam Nawawi : Solat tersebut tidak perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang

Muktamad Mazhab Syafie : Solat tersebut sah tetapi perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang

Hukum Solat Bagi Pesakit

Pesakit sedar dan waras	Wajib menunaikan solat
Pesakit tidak sedarkan diri	Tidak wajib solat atas mereka

Hukum Solat Bagi Pesakit Yang Tidak Sedarkan Diri :

Pesakit yang berada dalam keadaan tidak sedarkan diri, adalah tidak diwajibkan solat.

Isu Kiblat Bagi Pesakit

Pesakit yang mampu menghadap kiblat	Wajib solat dalam keadaan menghadap kiblat (dada menghadap kiblat) ; dimaafkan sekiranya tersasar sedikit
<p>Pesakit yang tidak mampu menghadap kiblat</p> <p>Contohnya :</p> <p>Pesakit yang memakai alat bantuan pernafasan sepanjang masa</p>	<p>Wajib solat dalam keadaan tidak menghadap kiblat</p> <p><u>Adakah Solat Perlu Diqada' Apabila Keuzuran Hilang?</u></p> <p>Imam Muzani dan Imam Nawawi : Solat tersebut tidak perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang</p> <p>Muktamad Mazhab Syafie : Solat tersebut sah tetapi perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang</p>

Pesakit Yang Tidak Dapat Solat Pada Waktunya

Pandangan Ulama	Pesakit yang tidak dapat solat pada waktunya :
Imam Nawawi dan Mazhab Hanbali	Dibenarkan untuk menjamakkan solat tanpa qasar
Muktamad Mazhab Syafie	Solat perlu dilakukan dalam waktunya mengikut kadar kemampuannya

Pesakit Hendaklah Solat Sekadar Kemampuannya

Pesakit hendaklah solat dalam keadaan berdiri

Sekiranya tidak mampu berdiri :

Solat dalam keadaan duduk :

Rukuk ketika duduk dilakukan dengan menundukkan kepala sehingga dahi bertentangan dengan kawasan di hadapan lutut. Sujud dilakukan seperti biasa, dan jika tidak mampu, lakukan seperti rukuk, atau lebih rendah sekiranya mampu.

Sekiranya tidak mampu duduk :

Solat dalam keadaan berbaring :

Rukuk dengan dilakukan dengan menundukkan kepala sedikit, dan sujud dengan tundukan yang lebih rendah daripada rukuk, jika mampu. Jika pesakit tidak mampu menundukkan kepala, rukun-rukun solat hendaklah dilakukan dengan isyarat mata dalam keadaan berbaring.

Sekiranya tidak mampu menggerakkan anggota (semasa berbaring dan seumpamanya)

Solat dengan menggunakan isyarat :

Solat dengan isyarat mata boleh dilakukan dengan memandang ke hadapan ketika takbiratul ihram, i'tidal, duduk antara dua sujud, dan duduk tasyahhud, memandang ke bawah untuk rukuk, dan memandang ke arah yang lebih rendah untuk sujud.


Solat dalam hati

Jika solat tidak boleh dilaksanakan dengan isyarat mata, maka solat hendaklah dilaksanakan dengan hati, selama mana masih sedar dan waras.

Adakah solat yang dilakukan dalam keadaan duduk, berbaring, isyarat mata dan hati perlu diqada' semula

Solat ini adalah sah dan tidak perlu diulang semula.

HUKUM HAKAM BERKAITAN IBADAH BAGI PETUGAS DAN PESAKIT



Petugas Yang Tiada Keuzuran

Dua Kaedah Bersuci :

1	Istinjak	Menggunakan air untuk membasuh kemaluan selepas membuang air
2	Istijmar	Menggunakan batu atau bahan kesat sekiranya tidak mampu menggunakan air

Kewujudan Najis Pada Badan, Pakaian dan Tempat Solat

Hukum	Wajib dihilangkan atau disucikan najis tersebut
Kaedah	Basuh menggunakan air hingga hilang warna, bau dan rasa atau sekadar yang termampu

Petugas Yang Mempunyai Keuzuran

Contoh keuzuran	Perlu memakai lampin (tidak boleh dibuka) Pakaian yang terkena najis (tidak boleh dibuka)
Hukum solat	Tetap wajib dilaksanakan dalam keadaan solat menghormati waktu sekalipun tanpa bersuci

Bersuci daripada najis

Solat Menghormati Waktu : Adakah Ianya Perlu Diqada' Apabila Keuzuran Hilang	
Pandangan Ulama	Hukum Qada' Solat Menghormati Waktu :
Imam Muzani dan Imam Nawawi	Solat tersebut tidak perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang
Muktamad Mazhab Syafie	Solat tersebut sah tetapi perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang

Bersuci daripada hadas

Petugas Yang Tiada Keuzuran

Hendaklah bersuci dengan air untuk berwuduk dan mandi wajib

Petugas Yang Mempunyai Keuzuran

Uzur menggunakan air	Hendaklah bertayammum dengan debu tanah
Uzur menggunakan debu tanah Contoh keuzuran : <ul style="list-style-type: none"> • Anggota wuduk berbalut dengan sesuatu yang menghalang air • Penggunaan debu akan menyebabkan penyakit merebak 	Tidak diwajibkan bersuci untuk menunaikan solat pada ketika ini ; solat menghormati waktu <u>Adakah Solat Perlu Diqada' Apabila Keuzuran Hilang?</u> Imam Muzani dan Imam Nawawi : Solat tersebut tidak perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang Muktamad Mazhab Syafie : Solat tersebut sah tetapi perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang

Bersuci daripada hadas

Permasalahan Anggota Wuduk Yang Berbalut

Hendaklah menyapukan air di atas balutan tersebut sebagai ganti basuhan

Permasalahan :

sekiranya balutan dipasang :

- Dalam keadaan berhadas
- Pada anggota tayammum yang berbalut termasuk pemakaian PPE (tidak boleh dibuka)

Debu tanah tidak boleh digunakan untuk bertayammum kerana anggota tayammum berbalut ; tetap perlu solat tanpa bersuci

Adakah Solat Perlu Diqada' Apabila Keuzuran Hilang?

Imam Muzani dan Imam Nawawi : Solat tersebut tidak perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang

Muktamad Mazhab Syafie : Solat tersebut sah tetapi perlu diulang semula apabila keuzuran telah hilang

Solat

Hukum Solat Bagi Petugas

Petugas hendaklah solat fardu pada waktunya

Petugas Yang Mempunyai Keuzuran

Hendaklah menunaikan solat sekadar kemampuannya

Petugas Yang Mempunyai Keuzuran

Contoh Keuzuran	Tindakan Petugas
Menyebabkan mudarat atau bahaya kepada diri atau pesakit	Dibenarkan untuk solat jamak tanpa qasar
Terpaksa memakai PPE (tidak boleh dibuka)	Tetap wajib dilaksanakan dalam keadaan solat menghormati waktu sekalipun tanpa bersuci
Terpaksa memakai <i>surgical mask</i>	Solat dengan memakai <i>surgical mask</i> adalah sah dan tidak makruh

Petugas Hendaklah Solat Sekadar Kemampuannya

Petugas hendaklah solat dalam keadaan berdiri

<p>Sekiranya tidak mampu berdiri :</p>	<p>Solat dalam keadaan duduk : Rukuk ketika duduk dilakukan dengan menundukkan kepala sehingga dahi bertentangan dengan kawasan di hadapan lutut. Sujud dilakukan seperti biasa, dan jika tidak mampu, lakukan seperti rukuk, atau lebih rendah sekiranya mampu.</p>
<p>Sekiranya tidak mampu duduk :</p>	<p>Solat dalam keadaan berbaring : Rukuk dengan dilakukan dengan menundukkan kepala sedikit, dan sujud dengan tundukan yang lebih rendah daripada rukuk, jika mampu. Jika pesakit tidak mampu menundukkan kepala, rukun-rukun solat hendaklah dilakukan dengan isyarat mata dalam keadaan berbaring.</p>
<p>Sekiranya tidak mampu menggerakkan anggota (semasa berbaring dan seumpamanya)</p>	<p>Solat dengan menggunakan isyarat : Solat dengan isyarat mata boleh dilakukan dengan memandang ke hadapan ketika takbiratul ihram, i'tidal, duduk antara dua sujud, dan duduk tasyahhud, memandang ke bawah untuk rukuk, dan memandang ke arah yang lebih rendah untuk sujud.</p>
<p>Solat dalam hati</p>	<p>Jika solat tidak boleh dilaksanakan dengan isyarat mata, maka solat hendaklah dilaksanakan dengan hati, selama mana masih sedar dan waras.</p>
	<p>Adakah solat yang dilakukan dalam keadaan duduk, berbaring, isyarat mata dan hati perlu diqada' semula</p> <p>Solat ini adalah sah dan tidak perlu diulang semula.</p>

BEBERAPA PERMASALAHAN YANG BERKAITAN

PENGGUNAAN HAND SANITIZER (MENGANDUNGI ALKOHOL) DAN SOLAT

- Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol adalah harus dan dimaafkan

SOLAT JUMAAT DAN SOLAT BERJAMAAH

- Wajib ke atas setiap mukallaf untuk tidak menghadiri solat Jumaat dan solat berjamaah di masjid atau surau.
- Solat Jumaat yang tidak dapat dilakukan perlu diganti dengan solat Zohor di rumah masing-masing.
- Larangan ini dikeluarkan oleh pemerintah dan mentaati arahan pemerintah adalah wajib (bagi menjaga nyawa) melainkan dalam perkara kemaksiatan.
- Harus meninggalkan solat Jumaat walaupun melebihi tiga kali kerana terdapat keuzuran yang dibenarkan Syarak.

MEWUDUKKAN DAN MENTAYAMMUMKAN PESAKIT

- Pesakit hendaklah berwuduk bagi menunaikan solat, sekiranya tidak mampu seperti tidak boleh bergerak hendaklah ada seseorang yang mewudukkannya.
- Jika tiada sesiapa yang mewudukkannya dan dia mampu bertayammum, maka hendaklah dia bertayammum dan solatnya tidak perlu diulang.
- Pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafie :
 - Jika tidak mampu bertayammum, maka hendaklah dia solat tanpa tayammum dan solat tersebut perlu diulang setelah sembuh.

AZAN DAN IQAMAH APABILA SOLAT DI RUMAH

- Seseorang yang solat fardu berjamaah atau bersendirian disunatkan untuk melaungkan azan dan iqamah.
- Makruh menunaikan solat tanpa azan dan iqamah.
- Tidak disunatkan azan dan iqamah pada solat-solat sunat.

SUSUNAN SAF SOLAT BERJEMAAH BAGI PETUGAS DAN PESAKIT COVID-19

- Dibenarkan solat dalam keadaan berjarak-jarak kerana wujud keperluan dan tidak luput pahala solat berjamaah.

RUJUKAN

A. Kitab

1. Al-Hadhrami, Saied bin Muhammad Ba `Isyn. 2004. ***Busyra al-Karim***. Jeddah: Dar al-Minhaj.
2. Al-Haitami, al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Ali bin Hajar. 2000. ***Al-Minhaj al-Qowim***. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
3. Al-Muzani, Ismail bin Yahya. 1990. ***Mukhtasar al-Muzani***. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
4. Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. 1970. ***Al-Minhaj Syarh Sohik Muslim***. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi.
5. Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. 1991. ***Raudah al-Tolibin wa 'Umdat al-Muftin***, Cetakan ke-3. Beirut: al-Maktab al-Islami.
6. Al-Suyuti, Abdurrahman bin Abi Bakr. 1990. ***Al-Asybah wa al-Nazha'ir***. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
7. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2016. ***Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia***. Putrajaya: JAKIM.
8. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Diakses pada 3 April 2020. **Panduan Bersuci dan Bersolat bagi Pesakit**. Putrajaya: JAKIM. Pautan: <https://bit.ly/3b6g78K>
9. Mu'assasah Zayed bin Sultan Ali Nahyan Li A`mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah. 2013. ***Ma`lamah Zayed li al-Qowa`id al-Fiqhiyyah wa al-Usuliyah***. Abu Dhabi: Mu'assasah Zayed bin Sultan Ali Nahyan Li A`mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.

B. Artikel Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

1. **Al-Kafi #1665: Bersalaman Ketika Suasana Wabak Covid-19.**
Pautan: <https://bit.ly/3a63CZe>
2. **Al-Kafi #1674 : Meninggalkan Tiga Kali Solat Jumaat Dalam Suasana Covid- 19.** Pautan: <https://bit.ly/2JVWy6P>
3. **Al-Kafi #1677 : Perlukah Azan Dan Iqamah Sekiranya Solat Dilakukan Di Rumah?** Pautan: <https://bit.ly/3c5Cpr4>
4. **Al-Kafi #915 : Hukum Solat Dengan Memakai Penutup Muka (Face Mask).** Pautan: <https://bit.ly/3eqZKpk>
5. **Bayan Linnas Siri Ke-225 : Covid-19: Fatwa-Fatwa Terkini Berkaitan Penangguhan Solat Jumaat Dan Solat Berjemaah.**
Pautan: <https://bit.ly/3aavhsk>
6. **Bayan Linnas Siri Ke-53: Solat Di Atas Kapal Terbang: Hukum Dan Caranya.** Pautan: <https://bit.ly/2wEFZtm>
7. **Irsyad Al-Fatwa Ke-411: Hukum Solat Bagi Wanita Yang Keluar Darah Dan Air Ketuban Sebelum Bersalin.** Pautan: <https://bit.ly/2RzMjcJ>
8. **Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-480 : Susunan Saf Solat Jenazah Semasa Berlakunya Wabak.** Pautan: <https://bit.ly/3chJAwF>
9. **Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-481 : Kaedah Bersuci Dan Solat Bagi Petugas Covid-19 Yang Terpaksa Memakai Ppe Selama 12 Jam.**
Pautan: <https://bit.ly/2RyDhN1>
10. **Tahqiq Al-Masail Siri Ke-2: Penjelasan Berkaitan Solat Secara Duduk Di Atas Kerusi (Edisi Kemas Kini).** Pautan: <https://bit.ly/2XvkhD6>

C. Artikel lain

Dr. Labib Najib Abdullah. 2020. Diakses pada 2 April 2020. ***Sa'ala 'Adad al-Fudhala' 'An Sihhah al-Solah bi al-Syakli al-Maujud fi al-Surah?***. Pautan: <https://bit.ly/2Rx9PHo>.